

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban

Topik 6

Perlembagaan Persekutuan sebagai Tapak Integrasi dan Wahana Etika dan Peradaban



Sinopsis Topik 6

Perlembagaan Persekutuan Sebagai Tapak Integrasi Dan Wahana Etika Dan Peradaban

Tapak integrasi ialah sebuah ruang abstrak dan ruang nyata di mana pelbagai pihak atau kelompok masyarakat (termasuk kelompok etnik, agama, parti politik, badan bukan kerajaan dan sebagainya) yang berbeza etika dan peradaban, bertemu dan berikhtiar mencari persetujuan atau titik pertemuan secara aman dan harmoni. Tapak integrasi ini wujud pada peringkat makro, pertengahan dan mikro.

Hampir semua masyarakat dunia menjadikan **Perlembagaan**, sama ada Perlembagaan bertulis ataupun tidak sebagai **wahana untuk mengurus dan menghayati kemajmukan etika dan peradaban**.

Bagi Malaysia, **Perlembagaan Persekutuan** adalah **dokumen utama** yang menjadi panduan dan sempadan dalam **pemerintahan dan pentadbiran negara**. Sifat Perlembagaan Persekutuan secara simboliknya adalah sebagai 'kontrak sosial' kerana terkandung di dalamnya pelbagai peruntukan yang memenuhi kepentingan semua pihak dalam masyarakat Malaysia. Walaupun begitu, Perlembagaan sering ditafsir oleh pelbagai pihak mengikut kefahaman dan kepentingan masing-masing sehingga mendatangkan cabaran, bahkan juga perbezaan dan percanggahan. Namun begitu, walaupun senantiasanya 'bertikam lidah, masyarakat Malaysia tidak berparangan'; dan setelah lebih 60 tahun Perlembagaan itu wujud, masyarakat Malaysia kekal dengan aman dan makmur.

Tapak Integrasi

Sebuah ruang abstrak dan ruang nyata di mana pelbagai pihak atau kelompok masyarakat yang berbeza etika dan peradaban, bertemu dan berikhtiar mencari persetujuan atau titik pertemuan secara aman dan harmoni.

Makro
(Atas ke Bawah)

Perlembagaan

Meso
(Bawah Ke Atas)

Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Mikro
(Inisiatif Akar Umbi)

Peranan Rakyat

Pengenalan

Definisi dan Konsep Perlembagaan

Sejarah dan Garis Waktu Gubalan Perlembagaan Persekutuan

Kerangka Asas Perlembagaan Persekutuan


Cabaran

Objektif Topik 6

Menghayati Perlembagaan sebagai Tapak Integrasi, ke arah pengukuhan Etika dan Peradaban di Malaysia



https://en.wikipedia.org/wiki/Malayan_Declaration_of_Independence





<https://blogs.bl.uk/asian-and-african/2016/08/merdeka-malaysian-independence-day.html>

Hasil Pembelajaran Topik 6

Setelah mempelajari topik ini, anda akan dapat:

1. Menjelaskan konsep Tapak Integrasi dalam kehidupan bermasyarakat.
2. Menjelaskan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi utama negara.
3. Menganalisis perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan dengan memberi perhatian kepada aspek “Tapak Integrasi.”
4. Menghuraikan definisi dan konsep Perlembagaan sebagai asas etika dan peradaban di Malaysia
5. Menganalisis isu semasa berkaitan Perlembagaan Persekutuan
6. Menghuraikan cabaran yang dihadapi



Kandungan Topik 6

1. Sejarah, Definisi dan Konsep Perlembagaan
2. Perlembagaan sebagai Tiang Seri dan Tapak Integrasi
3. Konsep, Keperluan dan penghayatan Tapak Integrasi
4. Tiga Tahap Tapak Integrasi:
 - a. Makro (Atas Ke Bawah): Peranan Kerajaan - Perlembagaan Persekutuan, Rancangan Malaysia, Rukun Tetangga
 - b. Meso (Bawah Ke Atas): Peranan NGO – agih/pantau pembangunan
 - c. Mikro (Inisiatif Akar Umbi): Peranan Rakyat - Street Wedding
5. Perlembagaan Persekutuan: Cabaran Tafsiran Semasa

Konsep Tapak Integrasi

Apakah TAPAK INTEGRASI?

TAPAK INTEGRASI sebagai WAHANA SOSIAL

Apakah ciri TAPAK INTEGRASI?

- 1. Sebuah ruang sosial, abstrak dan nyata**
- 2. Satu titik pertemuan untuk kelompok2 strategik**
- 3. Proses pertemuan berasaskan prinsip:**
Tawar-Menawar (Bargaining), Perundingan (Negotiation) & Pengantaraan (Mediation)
- 4. Ada tapak yang diinstitusikan, ada yang tidak**
- 5. Ada yang berjaya, ada yang tidak**
- 6. Usaha membina tapak integrasi diteruskan dan menuju ke arah**
PENYATUPADUAN

Tapak Integrasi yang aktif

- **DARI ATAS KE BAWAH**

- **Kawasan Rukun Tetangga, bersifat kelompok strategic,**
- **Wujud semenjak 1970, bilangan 8500 seluruh negara**
- **Mekar & matang, dari orientasi sekuriti ke agen pembangunan**
 - *Politik* (Federalisme, Coalition, Perlembagaan dll.)
 - *Pendidikan* (sistem kebangsaan, vernacular, antarabangsa)
 - *Agama* (pelbagai agama aktif serentak, dilindungi perlembagaan)

- **BAWAH KE ATAS**

- **Peranan NGO sebagai pengagih habuan pembangunan**
- **NGO agen pemantauan pelaksanaan program untuk minoriti**

- **INISIATIF AKAR UMBI**

- **‘Street Wedding’: thousands countrywide during weekends**
 - **Mamakization (Third Place concept)**
- **A successful local group initiative for economic, socio-cultural reasons**

Kes Kelantan: Tapak Integrasi, Ruang Pertemuan Komuniti dan Budaya

- **Negeri Kelantan sebagai sebuah Tapak Integrasi**
- **Majoriti Melayu-Muslim (94% penduduk Kelantan)**
- **Minoriti (Pecahan daripada 6% penduduk): Cina Peranakan Kelantan, Siam Kelantan (15,000 pd 2010), Orang Asli, India Muslim**

Kes Kelantan: Empat Proses Integrasi Majoriti-Minoriti

- **Asimilasi:** Kumpulan minoriti menerima dan menghayati unsur budaya utama kumpulan majoriti

Siam Kelantan: Bahasa, dialek Kelantan, status Bumiputera dan perakuan pemerintah kolonial, undang2 tanah

- **Akomodasi:** Majoriti dan minoriti sedar dan menghormati norma dan nilai masing-masing

Siam Kelantan: Agama (Theravada Buddhism), adat resam, bahasa Siam

- **Akulturasi:** pinjam-meminjam unsur budaya dikalangan etnik berbeda, majoriti dan minoriti

Siam Kelantan: Makanan, kesenian, seni busana

- **Amalgamasi:** asimilasi biologi antara majoriti dan minoriti, khususnya melalui perkahwinan

Siam Kelantan: perkahwinan campur berlaku

Kes Kelantan: Siri Neng Buah Tokoh Integrasi Siam Kelantan

- **Pentadbir Budaya & Warisan (Kem Kebudayaan & Warisan)**
- **Peminat dan Aktivis Budaya Wayang Kulit Kelantan (epik Ramayana dipersembah dlm dialek Kelantan), mempersembah tarian Mak Yong dan Menora [*sumber: Arwah Prof Yusoff Ismail*])**
- **Ahli kpd dua pasukan Wayang Kulit Siam:**
 - **“Wayang Kulit Sunan Sri Vijaya Darul Naim,”** Jadi Tok Dalang bersama ahli2 Melayu Kelantan
 - **Pertunjukan di Kelantan & Lembah Kelang**
 - **“Wayang Kulit Sri Cindayu”,** Kok Lanas, Kelantan; jadi Tok Dalang bersama Tok Dalang Cina (Kang Boon Ann)
 - **Pertunjukan di sekitar Kelantan**

Kes Terkini: Penyatupaduan Usaha membina Tapak Integrasi Terkini

DUA CONTOH TERKINI

- **Penyelesaian Perbalahan mengenai ICERD**
 - Perdebatan Pentafsiran dan Politik Kompromi
- **Penyelesaian Konflik Kuil Seafield Maha Mariammam, Subang Jaya**
 - Memahami kedudukan tempat keramat agama dalam konteks ‘pendekatan analisis tri-konsep’ struktur-sejarah-biografi;
 - antara realiti sejarah dan tuntutan semasa

Pengenalan Perlembagaan Persekutuan

Pengenalan

- Undang-undang penting untuk mengawal tingkah laku masyarakat; menyediakan garis panduan kelakuan masyarakat
- Undang-undang asas pembinaan etika dan tamadun
- Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi dan sumber rujukan
- Perlembagaan Persekutuan menyediakan ruang tapak integrasi
- Tapak integrasi ini menjadi wahana etika dan peradaban bagi Malaysia

Lihat, Fikir dan Bincang!



- Apakah maksud perkataan “undang-undang”?
- Apakah peranan undang-undang dalam masyarakat?
- Sejauhmanakah undang-undang menyumbang dalam menghasilkan keharmonian dalam kalangan masyarakat?

Semasa menjawab semua soalan di atas, berikan contoh-contoh

Definisi dan Konsep Perlembagaan

Definisi dan Konsep Perlembagaan

- Perlembagaan adalah kumpulan peraturan berkaitan pentadbiran sesebuah negara.
- Perlembagaan mencipta tiga institusi pentadbiran negara, iaitu badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman
- Perlembagaan mempunyai peruntukan berkaitan kuasa dan peranan tiga institusi tersebut
- Pada masa sama Perlembagaan meletakkan had kepada kuasa ketiga-tiga badan tersebut

(Lihat K.C Wheare, Modern Constitution, Oxford [Oxfordshire] : Oxford University Press, 1966)

Perlembagaan dalam konteks Malaysia

- Perlembagaan Persekutuan adalah sebuah dokumen bertulis.
- Perlembagaan adalah juga simbol kemerdekaan dan kedaulatan negara.
- Di samping itu Perlembagaan menyediakan asas kenegaraan Malaysia.
- Perlembagaan direka bentuk atas kerangka asal Tanah Melayu berdasarkan kepada sejarah, budaya dan amalan negara.
- Perlembagaan mengambil kira kepentingan semua komuniti yang membentuk bangsa bagi negara ini.

Sambungan

- Perlembagaan Persekutuan berasaskan "kontrak sosial".
- Perlembagaan Persekutuan yang diluluskan melalui pengesahan undang-undang berasaskan kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- Perjanjian ini ditandatangani pada 5 Ogos 1957 oleh wakil Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Raja-Raja bagi negeri-negeri.

Sambungan

- Perlembagaan Persekutuan ini adalah sebuah manifestasi kesetiakawanan, penerimaan dan persefahaman sehingga membentuk integrasi dalam kalangan komuniti
- Persefahaman ini dianggap sebagai "kontrak sosial" demi kepentingan hak serta warisan asal negara.

Lihat, Fikir dan Bincang!



- Huraikan hubungan antara Perlembagaan dan warganegara yang terdiri daripada pelbagai etnik atau komuniti?
- Jelaskan peranan dan kepentingan “kontrak sosial”

Semasa menjawab semua soalan di atas, berikan contoh-contoh berkaitan.

Sejarah dan Garis Waktu Gubalan

Sejarah dan Garis Waktu Gubalan Perlembagaan Persekutuan

Undang-Undang Sebelum Kedatangan Penjajah



Malayan Union



Persekutuan Tanah Melayu, 1948



Kerjasama Etnik; CLC, Pilihanraya, Perikatan



Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid)



Jawatankuasa Kerja




Perisytiharan Perlembagaan

Pilihan Raya Pertama,
Penubuhan Majlis Perundangan
Persekutuan dan Majlis
Mesyuarat Persekutuan

Lantikan Suruhanjaya
Perlembagaan
(Dibekalkan dengan
terma-terma lantikan)

Jawatankuasa untuk mengkaji Draf
Pertama ditubuhkan.
JK mengeluarkan Kertas Putih, berlaku
perbincangan tentang cadangan JK di
London (10 Mei), beberapa pindaan
dicadangkan

Dibahaskan dan diluluskan
dalam Majlis Perundangan
Persekutuan –
10 Jun 1957



Persidangan London
(16 Jan-6 Feb)
Perjanjian London
(Kemerdekaan Malaysia 8 Feb)

Suruhanjaya Reid
mengeluarkan draf pertama
Perlembagaan Persekutuan

Draf kedua
Dibahaskan dan diluluskan
di Parlimen British

Diterima di negeri-negeri

i. Undang-undang Sebelum Kedatangan Penjajah

- Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang Laut Melaka, Batu Bersurat Terengganu membuktikan telah wujud sistem pemerintahan yang tersusun di Tanah Melayu, walaupun tidak menggunakan istilah 'perlembagaan'.
- Keadaan ini menjelaskan sistem perlembagaan dan pentadbiran yang tersusun tersebut itu telah wujud sebelum kedatangan penjajah British
- Semasa pentadbiran British, dua buah negeri telah membuat Perlembagaan mereka sendiri, iaitu negeri Johor dan negeri Terengganu, masing-masing pada tahun 1895 dan 1911


ii. Malayan Union

Sebab-sebab Malayan Union diperkenalkan:

- Menyatukan negeri-negeri dan meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran. Negeri-negeri seperti Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.
- British menyimpan perasaan anti-Melayu kerana orang Melayu bekerjasama dengan Jepun dan pengenalan Malayan Union dapat melemahkan kuasa Raja-Raja Melayu.
- Menjadi asas kepada British untuk masyarakat tempatan bagi memerintah negara sendiri.


Ciri-ciri Malayan Union

- Semua negeri Melayu kecuali Singapura disatukan di bawah pemerintahan Gabenor British yang dibantu oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Undangan.
- Singapura dijadikan tanah jajahan berasingan.
- Kedaulatan raja-raja Melayu dihapuskan kecuali dalam hal agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja.
- Hak kerakyatan yang sama bagi semua orang tanpa mengambil kira bangsa dan keturunan. Pengenalan Malayan Union telah memberikan hak warganegara kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu.




Tentangan orang Melayu terhadap Malayan Union kerana

- Kedaulatan Raja-Raja Melayu dilenyapkan, kecuali dalam hal ehwal berkaitan agama Islam dan adat resam Melayu.
- Hak kerakyatan diberikan berdasarkan prinsip jus soli iaitu penduduk asing yang telah bermastautin lebih sepuluh tahun dan lahir selepas Malayan Union, secara terus menjadi warganegara.
- Hak sama rata kepada semua warganegara tanpa mengira bangsa iaitu penduduk peribumi tidak memiliki apa-apa keistimewaan.
- Cara Harold MacMichael mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu yang menggunakan cara paksaan dan ugutan seperti Sultan Kedah telah diberi kata dua iaitu menandatangani persetujuan Malayan Union atau dilucutkan dari tahta pemerintahan.



iii. Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Setelah mendapat tentangan daripada orang-orang Tanah Melayu, British telah membatalkan Malayan Union
- Bagi tujuan menggantikan Perlembagaan Malayan Union, sebuah Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pada Julai 1946 yang terdiri daripada empat wakil raja-raja Melayu, dua wakil UMNO dan enam pegawai British
- Jawatankuasa ini bertanggungjawab merangka sebuah perlembagaan baru yang boleh diterima oleh orang Melayu.
- British menubuhkan Jawatankuasa Perundingan pada Disember 1947 yang terdiri daripada orang Eropah, Cina dan India dengan tujuan untuk mendapatkan pandangan orang bukan Melayu mengenai perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Ciri-ciri penting Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang diisytiharkan pada 1 Februari 1948:

- Sembilan negeri Melayu terlibat di dalam persekutuan termasuk Pulau Pinang dan Melaka. Singapura kekal menjadi tanah jajahan yang berasingan.
- Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British dan dibantu oleh Majlis Undangan Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan akan dianggotai oleh 17 ahli iaitu tujuh ahli rasmi, tujuh ahli tidak rasmi dan tiga ahli ex-officier.
- Sultan-sultan diberi hak dan kuasa memerintah dengan nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Majlis Undangan Negeri.
- Syarat kewarganegaraan diketatkan, pemohon mesti lahir di Tanah Melayu dan telah bermastautin selama 8 hingga 12 tahun. Pemohon asing mestilah pemastautin selama 15 tahun. Umur minimum bagi kedua-dua situasi tersebut adalah 18 tahun dan mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang baik.
- Orang Melayu diberi hak istimewa sebagai kaum bumiputera dan mempunyai perwakilan terbesar dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

iv. Kerjasama antara Etnik ke Arah Kemerdekaan

- Penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat 1949 (CLC) yang terdiri daripada pelbagai etnik telah berusaha menyelesaikan sesetengah masalah perundangan, terutamanya berkaitan perlembagaan, politik dan ekonomi.
- Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi membincangkan berbagai isu seperti kewarganegaraan dan kedudukan khas (special position) orang Melayu serta dasar pendidikan.
- Tokoh-tokoh yang menganggotai jawatankuasa ini: Dato Onn Jaafar, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Tun Tan Cheng Lock, C.C. Tan, E.E.C Thuraisingham.

v. Pilihan Raya Umum 1955

- Pilihan Raya Umum 1955, iaitu Pilihan Raya Umum yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu memberi implikasi yang cukup besar kepada hubungan etnik di Malaysia.
- Ini disebabkan telah berlakunya kerjasama dan toleransi yang cukup kukuh antara orang Melayu dan bukan Melayu khususnya yang melibatkan pembahagian kursi pilihan raya seperti dalam Jadual di bawah:



- Pembahagian kerusi dan calon, UMNO telah membuat pengorbanan dan kompromi kerana meletakkan calon bukan Melayu di kawasan majoriti pengundi Melayu dan walaupun majoriti pengundi adalah Melayu (84.2%).
- Tetapi demi perpaduan dan mengamalkan konsep perkongsian kuasa, UMNO diperuntukkan 35 kerusi sahaja, MCA 15 kerusi dan MIC sebanyak dua kerusi

Parti	Peruntukan Kerusi	Peratusan Kerusi	Peratusan Pengundi
UMNO	35	69	84.2 (Melayu)
MCA	15	28	11.2 (Cina)
MIC	2	3	3.9 (India)

- Perkara ini mengetepikan pandangan sempit perkauman dan bekerja ke arah menuntut kemerdekaan daripada penjajah.
- Tunku Abdul Rahman, sebagai Perdana Menteri pertama telah membentuk kabinet yang terdiri daripada komposisi berbilang kaum iaitu enam orang Melayu, tiga orang Cina, dan seorang India.
- Pemilihan Kabinet ini menunjukkan satu kerjasama yang baik dengan perlantikan tiga orang Cina dan seorang India untuk memberikan keseimbangan etnik yang lebih diterima dalam Majlis Perundangan Persekutuan.
- Komposisi kabinet pertama ini menunjukkan bermulannya “Tapak Integrasi”

vi. Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid)


- Suruhanjaya Perlembagaan merupakan sebuah suruhanjaya bebas yang penubuhannya diperkenan oleh Baginda Ratu dan raja-raja Melayu bagi merangka Perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka
- Suruhanjaya ini juga dikenali sempena nama pengerusinya, iaitu seorang hakim Mahkamah Rayuan England, Lord William Reid.
- Suruhanjaya Reid terdiri daripada para ilmuwan dalam bidang perlembagaan; Sir Ivor Jennings (UK), Sir William Makell (Australia), Hakim B. Malik (India) dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan).



Suruhanjaya Reid
1956
Dipengerusikan
Hakim Lord William Reid
(England)



Terma Lantikan Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid)



Satu
Kerakyatan

Menjamin
kedudukan
orang-orang
Melayu dan
kepentingan sah
komuniti lain

Menjamin
kedudukan
Raja-Raja Melayu

Negara
Persekutuan
dengan tumpuan
kuasa kepada
kerajaan
Persekutuan


1. Parlimen yang
mempunyai 2
Dewan
2. (Dewan Rakyat &
Dewan Negara)




Petikan Laporan Suruhanjaya Reid


3. The members of the Commission were appointed in the name of Her Majesty the Queen and Their Highnesses the Rulers with terms of reference as follows:



To examine the present constitutional arrangements throughout the Federation of Malaya, taking into account the positions and dignities of Her Majesty the Queen and of Their Highnesses the Rulers; and







To make recommendations for a federal form of constitution for the whole country as a single, self-governing unit within the Commonwealth based on Parliamentary democracy with a bicameral legislature, which would include provision for:




- 
- 
- (i) the establishment of a strong central government with the States and Settlements enjoying a measure of autonomy (the question of the residual legislative power to be examined by, and to be the subject of recommendations by the Commission and with machinery for consultation between the central Government and the States and Settlements on certain financial matters to be specified in the Constitution;
 - (ii) the safeguarding of the position and prestige of Their Highnesses as constitutional Rulers of their respective States;
 - (iii) a constitutional Yang di-Pertuan Besar (Head of State) for the Federation to be chosen from among Their Highnesses the Rulers;
 - (iv) a common nationality for the whole of the Federation;
 - (v) The safeguarding of the special position of the Malays and the legitimate interests of other communities.




4. Two understandings were reached at the London Conference in relation to these terms of reference. First it was understood that nothing in the terms of reference proposed for the Constitutional Commission was to be taken as in any way prejudging the position of Her Majesty the Queen in relation to the Settlements of Penang and Malacca; and second, that sub-section (iv) of the terms of reference was not to be taken as precluding the Commission from making recommendations which would allow British subjects or subjects of Their Highnesses the Rulers to retain their status as such after they had acquired the proposed common nationality.





5. The agreement of the Conference of Rulers to the terms of reference and the two understandings was subject to a rider which read as follows: 'Their Highnesses wish it to be understood that they do not wish the word "nationality" in paragraph (iv) to be interpreted by the Commission in a strict legal sense but to be used widely enough to include both nationality and citizenship so that, if the Commission so wishes, it can preserve the combination of nationality and citizenship which is expressed in the Federation of Malaya Agreement 1948, but naturally without any restriction on the expansion of citizenship so as to produce what in effect would be "a common nationality"'. The terms of this rider were accepted by Her Majesty's Government and conveyed to our Chairman.



Cari dan Bincang



- Cari Laporan Suruhanjaya Reid 1956/1957
- Cari teks Rukun Negara

Bincang Terma lantikan Suruhanjaya Reid dan Rukun Negara dengan memberikan tumpuan kepada isu-isu berkaitan tapak integrasi dan penghayatan etika dan peradaban.

Kerangka Asas Perlembagaan Persekutuan

8. Kerangka Asas Perlembagaan Persekutuan



Negara Persekutuan



Kewarganegaraan
Yang sama

Islam Agama bagi Persekutuan



Kebebasan Asasi



Perlembagaan
Undang-Undang Tertinggi



Pindaan Perlembagaan

Elemen Warisan




Perkara Subversif dan
Darurat




Negara Persekutuan



Islam Agama Persekutuan



Perlembagaan Persekutuan Undang-Undang Tertinggi



Elemen Warisan

Elemen warisan* merujuk kepada elemen asal dan telah sekian lama menjadi pengenalan atau identiti bagi negara ; Elemen-elemen asal dan tradisi yang dikekalkan dalam Perlembagaan dengan peranan-peranan tertentu.

*seringkali dirujuk sebagai “tiang seri Perlembagaan Persekutuan” atau elemen asal (indigenous)

Perkara 32, 38, 70,
71, 181

Institusi Beraja -
Raja-raja di negeri;
Yang di-Pertuan
Agong;
Majlis Raja-Raja

Perkara 3, 11(4)
12(2), Jadual
Keempat
Agama Islam;

Perkara 153
Keistimewaan
Melayu; dan
kepentingan sah
komuniti-komuniti
lain

Perkara 152
Bahasa Melayu;

Bahagian III Perlembagaan Persekutuan

- Peruntukan yang digandingkan dengan keistimewaan Melayu
- Empat cara mendapatkan kewarganegaraan
 1. Operasi undang-undang
 2. Pendaftaran
 3. Naturalisasi
 4. Gabungan wilayah
- Hilang/dipecat kewarganegaraan – hilang taat setia

Perkara 5 – 13 Perlembagaan Persekutuan

Merangkum jaminan kepada hak-hak sivil dan politik, seperti hak untuk hidup, kebebasan beragama, kebebasan bersuara, hak kepada pendidikan dan harta

Kebebasan yang tidak mutlak; mengambil kira keadaan fabrik masyarakat Malaysia – menjaga kedudukan khas orang Melayu dan kepentingan sah komuniti lain (

Kebebasan tidak mutlak; tertakluk kepada ketenteraman dan keselamatan negara yang menjaga aspek kewarganegaraan, kedudukan raja, Bahasa Melayu, dan

Prosedur Pindaan Perlembagaan



<http://www.islam.gov.my>

/

Perkara 159

Majoriti
mudah

2/3
majoriti

2/3
majoriti +
Perkenan
Majlis
Raja-Raja

Perkara 161E
2/3 Majoriti +
persetujuan
TYT Sabah
@ Sarawak

2/3
Majoriti +
Perkenan
Yang di-
Pertua
Negeri

Undi 2/3 Majoriti pada Bacaan Kedua dan Ketiga dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negera serta Perkenan Majlis Raja-Raja hendaklah diperolehi dalam proses pindaan Perkara di bawah:

- **Perkara 10(4); undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 10(4); Bahagian III; Perkara 38, 63(4), 70, 71(1), 72(4), 152, 153 dan 59(5)**

Menangani Ancaman Keselamatan

Subversif

Darurat Besar

Jenayah Terancang

Analisis / Bincang



- Berdasarkan kepada kerangka asas Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan dalam slide sebelum ini, bagaimanakah Perlembagaan Persekutuan menyumbang kepada penghayatan etika dan peradaban Malaysia?
(Anda boleh memilih mana-masa kerangka asas Perlembagaan bagi tujuan analisis)
- Bincangkan peranan dan sumbangan elemen warisan sebagai wahana etika dan peradaban Malaysia
- Nyatakan peranan kerajaan, badan bukan kerajaan dan orang ramai dalam penghayatan etika dan peradaban berasaskan kepada perbincangan mengenai kerangka asas Perlembagaan Persekutuan
- Bagaimanakah elemen warisan, iaitu Bahasa Melayu dan institusi beraja boleh menjadi wadah dalam penghayatan etika dan peradaban?

Cabaran

Cabaran

Dalam menjadikan Perlembagaan sebagai tapak integrasi dan wadah penghayatan etika dan peradaban bagi Malaysia, kita tidak dapat lari daripada menghadapi cabaran sama ada pada peringkat negara atau dunia.

Oleh itu, semua warganegara dan penduduk Malaysia hendaklah berusaha dalam mengatasi cabaran yang sedang dan akan dilalui.



Analisis/Bincang



- Selain daripada cabaran yang disenaraikan di atas, apakah cabaran lain yang mungkin dihadapi oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai wahana penghayatan etika dan peradaban
- Nyatakan perkara atau tindakan yang perlu diambil oleh semua warganegara Malaysia dalam menangani cabaran yang dinyatakan?

RUJUKAN

- A.V. Dicey, Introduction to the Study of the Law of Constitution, Edisi Kelapan, Toronto: The MacMillan Company of Canada Ltd, 1915
- A.J. Stockwell, British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1979
- Abdul Aziz Bari, Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah, Kuala Lumpur: DBP
- Abdul Halim Ramli, Perlembagaan Malaysia : Isu Dan Persoalan Perhubungan Kaum. Kuala Lumpur:DBP
- Albert Lau, The Malayan Union Controversy, 1942-1948, Singapore: Oxford University Press, 1991
- Andrew Harding, The Constitution of Malaysia, Oxford: Hart Publishing, 2012
- Anthony Smith, The Ethnic Origins of Nation, Oxford: Blackwell, 1986
- F.A. Trindade and H.P. Lee (eds), The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Developments, Singapore: Oxford University Press, 1986
- Harry E. Groves, The constitution of Malaysia, Singapore: Malaysia Publications, 1964
- Hashim Yeop A. Sani, Our Constitution, Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers, 1980
- Ibn Batuta, The Travels of Ibn Batūta, London: Oriental Translation Committee,1829
- Jayakumar, S., Constitutional Law Cases from Malaysia and Singapore, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd., 1976

- Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of Royal Asiatic Society, 2002
- K.C Wheare, *Modern Constitution*, Oxford [Oxfordshire] : Oxford University Press, 1966
- Kevin Tan YL & Thio Li-ann, *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*, Edisi Ketiga, Singapore: Butterworths Asia, 2010
- Kobkua Suwannathat-Pian, *Palace, Political Party and Power: A Story of the Socio-Political Development of Malay kingship*, Singapore: National University of Singapore, 2011
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A. Aziz, *Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*, Kuala Lumpur: ITBM, 2015
- Mohamed Sufian, H.P. Lee and F.A. Trindade (eds), *The Constitution of Malaysia: Its Development, 1957-1977*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978
- Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*, Cambridge: Cambridge University Press, 2002
- Milner, *Race or Civilization: The Localizing of 'the Malays'*, Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010
- *Minutes of the Working Party of the Constitution of the Federation 1957*, CO 941/86 (E/14)

- Mohamad Suffian bin Hashim, *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, 2nd edition, Kuala Lumpur: Government Printers, 1976
- Nazri Muslim, *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*, Bangi:UKM, 2014
- Nurshuhada Mohamed, “Konsensus Melalui Peranan Ketua Kaum Dalam Jawatankuasa Perhubungan Kaum (JPK) 1948”, *Journal of Social Sciences and Humanitis*, Vol. 13, No.3, 2018
- Paul Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya: A Social and Economic History*, St Leonards: Allen and Unwin, 1998
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Perlembagaan Persekutuan
- Perlembagaan Negeri-Negeri
- R.H. Hickling, *An Introduction to the Federal Constitution*, Kuala Lumpur: Federation of Malaya Information Services, 1960
- *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, London: Her Majesty’s Stationery Office, Colonial No. 330 (Laporan Suruhanjaya Perlembagaan 1956/1957)

- Report of Hearing of Counsel on Behalf Their Highnesses the Rulers CO 889/1 (32)
- Richard Winstedt, A History of Malaya, Kuala Lumpur: Marican and Sons Ltd., 1968
- Rulers' Memorandum to the Reid commission, 12 September 1956, CO 889/6 (22)
- Salleh Abas, Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan Malaysia, Kuala Lumpur:DBP
- Sayyid Muhammad Naquib Al-Attas, Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972
- Shamrahayu A. Aziz, "Kuasa dan Peranan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan: Sejarah dan Masa Depan,
<http://www.arkib.gov.my/documents/10157/6f1c6800-188b-4885-8ba8-698102207ad1>
(14.01.2020)
- Shamsul Amri Baharuddin (Ketua Editor), Modul Hubungan Etnik, (Edisi Kedua), Bangi: UKM, 2012
- Simon C. Smith, British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan Independence, 1930-1957, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995
- Sir Ivor Jennings, "Constitutional changes implicit in the terms of reference." 23 Aug. 1956, p. 2, CO 889/2, C.C. 2000/15

JPT | **JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**



KITA
INSTITUT KAJIAN ETNIK
INSTITUTE OF ETHNIC STUDIES

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MODUL DAN VIDEO MODUL PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA-UKM)

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
(KITA-UKM)

Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (KITA-UKM)

Prof. Madya Dr. Fazilah Idris (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Nazri Muslim (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak (SMMTC-UUM)

Prof. Madya Dr. Dr. Shamrahayu Ab Aziz (UIAM)

Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail (UPM)

Dr. Hairol Anuar Mak Din (KUIS)

Dr. Nur Azlili Hasan (UTAR)

Ahmad Zul Hakimi Hassim (KITA-UKM)